

Sambutan luar biasa - Annuar Musa

(1 SEPTEMBER 2022) SINAR, P4

KUALA LUMPUR - Sambutan luar biasa rakyat pelbagai kaum yang menyertai dan menghadiri acara perbarisan dan perarakan sempena Hari Kebangsaan 2022 di Dataran Merdeka di sini pada Rabu, berjaya menterjemahkan tema Keluarga Malaysia Teguh Bersama.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa berkata, jumlah pengunjung di luar jangkaan adalah disebabkan keterujaan rakyat selepas dua tahun tidak dapat menyambut acara bersejarah itu secara gilang-gemilang.

“Saya teruja tengok dari malam tadi (Selasa), mereka dah berada di sini dan pukul 5 pagi serta sesudah Subuh, tempat duduk sudah penuh. Ini sambutan luar biasa, saya juga terkejut 6.45 pagi jalan penuh dengan kenderaan yang diparkir,” katanya kepada pemberita selepas sambutan Hari Kebangsaan 2022.

Annuar yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 berkata, pihaknya sangat berpuas hati apabila acara tersebut lancar dan menyifatkan sambutan kali ini berjaya. - *Bernama*